

MODUL
BAHASA MELAYU
SJK
TAHUN 6
UNIT 21 BUDAYA DAN
ADAT MEKAR DALAM

NAMA : _____

HATI

KELAS : _____



UNIT 21 BUDAYA DAN ADAT MEKAR DALAM HATI

Aktifnya Kelab Kebudayaan

Wartawan : Bolehkah kamu ceritakan aktiviti Kelab Kebudayaan

Raksud : Boleh. Kelab kami menjayakan pelbagai aktiviti seperti persembahan teater, boria dan dikir barat.

Wartawan : Bolehkah kamu ceritakan keanggotaan kelab ini pula?

Raksud : _____

Wartawan : Apakah pencapaian kelab ini?

Raksud : _____

Selepas sesi temu ramah, Raksud berbual-bual dengan rakan-rakannya.

Ruben : Siapakah yang menemu ramah kamu tadi Raksud?

Raksud : _____

Jian Hui : Apakah yang telah kamu beritahu beliau?

Raksud : _____

Ruben : _____

Raksud : _____

Pertandingan Kebudayaan

(menulis kembali)

Kelab Kebudayaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling akan menyertai pertandingan kebudayaan peringkat negeri. Oleh sebab mempunyai masalah tertentu, Jian Hui dan rakan-rakannya berbincang untuk memilih latihan yang perlu diberikan keutamaan. Mereka membuat keputusan berdasarkan matlamat yang hendak dicapai. Hal ini penting agar mereka dapat menjuarai pertandingan kebudayaan yang disertai.

Acara Pertandingan	Kelebihan Kelab	Masalah
1. Pertandingan Boria Tarikh: □□Ogos 20□□ Tempat: Dewan Komuniti	<ul style="list-style-type: none">pernah menjuarai pertandingan boria peringkat negerimempunyai jurulatih tarian singa yang berpengalamanpernah menjayakan teater budaya peringkat daerah	<ul style="list-style-type: none">kesuntukan masa untuk membuat latihankurang pengalaman untuk mengadakan persembahan tarian singaperalatan muzik terhad
2. Pertandingan Tarian Singa Tarikh: □□Ogos 20□□ Tempat: Kompleks Warisan		
3. Pertandingan Teater Budaya Tarikh: □□Ogos 20□□ Tempat: Auditorium Intan		

Jian Hui dan rakan-rakannya telah _____



Pantang Larang Masyarakat Kita

Mengisi maklumat


Jian Hui : Dalam kalangan masyarakat Cina, ada banyak pantang larang. Sebagai contoh, kami tidak boleh menyapu sampah pada hari pertama Tahun Baharu Cina. Perbuatan itu dianggap menolak tuah.

Ruben : Bagi masyarakat India pula, ibu yang mengandung dilarang keluar rumah seorang diri pada waktu malam. Jika larangan ini diingkari, mereka akan diganggu roh jahat.

Islah : Samalah juga dengan orang Melayu. Kami pun ada pantang larang. Contohnya, kami dilarang bersiul di dalam rumah. Perbuatan ini dipercayai akan menyebabkan ular memasuki rumah.

Jian Hui : Wah, menarik sungguh cerita tentang pantang larang masyarakat kita! Sebenarnya amalan pantang larang tersebut bertujuan untuk mendidik tingkah laku seseorang.

Pantang larang masyarakat Malaysia



Adat Berendoi
(menulis ayat songsang)

Ayat susunan biasa	
Adat berendoi perlu dihargai	
Adat ini seharusnya dipelihara	
Adat ini mempunyai nilai positif	
Adat ini diadakan bagi meraikan kelahiran cahaya mata	
Izuni sangat gembira	
Majlis berendoi berjalan lancar	
Saudara-mara mengucapkan tahniah	
Ibu bapa Izuni bersyukur kepada tuhan	